

KEMPEN SELURUH SIMPAN & MENANG

Tarikh kemaskini pada 1 November 2018

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Seluruh Simpan & Menang” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [kemudian daripada ini disebut secara kolektif sebagai “Bank”] bermula dari 1 November 2018 hingga 31 Januari 2019 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”) melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut.

Kelayakan

1. Promosi terbuka kepada seluruh pemegang akaun utama yang baharu dan sedia ada yang merupakan pelanggan individu warga Malaysia bagi Akaun Semasa atau Simpanan HLB / Akaun Semasa atau Simpanan HLISB (“CASA/CASA-i”) sertaan berikut, termasuk Perbankan Prioriti & Perbankan Persendirian Hong Leong (secara kolektif dan kemudian daripada ini disebut “Pemegang Akaun” dan/atau “Pelanggan”).

Bagi mengelakkan keraguan:-

- a. Pemegang akaun baharu bermaksud pelanggan individu warga Malaysia yang tidak mempunyai sebarang Akaun Sertaan (seperti ditakrif dalam Fasal 2 di bawah) dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka Akaun Sertaan semasa Tempoh Kempen.;
 - b. Pemegang akaun sedia ada bermaksud pelanggan individu warga Malaysia yang telah membuka Akaun Sertaan sebelum Tempoh Kempen.
2. Akaun/akaun-i individu sertaan bagi Kempen ini adalah seperti berikut (“Akaun Sertaan”):-
 - a. Akaun Simpanan Asas Gaji Hong Leong/ Akaun Simpanan-i Asas Gaji Hong Leong;
 - b. Akaun Simpanan Gaji Hong Leong/ Akaun Simpanan-i Gaji Hong Leong;
 - c. Akaun Pay&Save Gaji Hong Leong/ Akaun Pay&Save-i Gaji Hong Leong;
 - d. Akaun Simpanan Asas Hong Leong/ Akaun Simpanan-i Asas Hong Leong;
 - e. Akaun Simpanan-i Multi-tier Hong Leong;
 - f. Akaun Simpanan Hong Leong/ Akaun Simpanan-i Hong Leong;
 - g. Akaun Semasa Asas Hong Leong/ Akaun Semasa-i Asas Hong Leong
 - h. Akaun Semasa Hong Leong/ Akaun Semasa-i Hong Leong;
 - i. Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong;
 - j. Akaun Simpanan Harvest Hong Leong;
 - k. Akaun Pay&Save Hong Leong/ Akaun Pay&Save-i Hong Leong;
 - l. Akaun Smartlink Hong Leong;
 - m. Akaun Top Yield Hong Leong;
 - n. Akaun One Hong Leong;
 - o. Akaun One Semasa-i Hong Leong; dan/atau
 - p. Akaun Deposit Tabung Duit Hong Leong.

Akaun Sertaan-i adalah akaun deposit yang berasaskan prinsip Syariah iaitu Tawarruq. Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertaan yang dinyatakan dalam Fasal 2 di atas adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

3. Pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Kempen:
 - a. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - b. Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di dalam ini;
 - c. Kakitangan Bank yang bekerja secara tetap dan kontrak serta ahli-ahli keluarga terdekat mereka (cth. pasangan, anak, ibu bapa, saudara lelaki atau perempuan); dan/atau
 - d. Pelanggan yang merupakan pemegang akaun bukan warga Malaysia
4. Semua deposit mestilah “Dana Baharu” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “Dana Baharu” ditakrif sebagai:
 - a. Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Sertaan; dan
 - b. Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam Akaun Sertaan.

5. Yang berikut TIDAK dianggap sebagai “Dana Baharu”:
 - a. Deposit Tetap atau Deposit Tetap-i (“FD/FD-i”) yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i sedia ada;
 - b. Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada Akaun Sertaan HLB / HLISB yang lain, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”); dan
 - c. Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).

KAEDAH KEMPEN

6. Untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini, Pelanggan MESTILAH memenuhi Kriteria Kempen seperti tertera dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen (“Pelanggan Layak”):

Kriteria Kempen	Penyertaan Kempen
Setiap Baki Purata Harian Tambahan (“DAB”) sebanyak RM500 sebulan sepanjang setiap Bulan Kempen	1 Penyertaan

Bulan Kempen	Bilangan Pemenang	Ganjaran
Bulan 1 1 November 2018 - 30 November 2018	1	x1 Huawei P20 Pro
Bulan 2 1 Disember 2018 - 31 Disember 2018	1	x1 Huawei P20 Pro
Bulan 3 1 Januari 2019 - 31 Januari 2019	1	x1 Huawei P20 Pro

7. DAB Tambahan ditakrif sebagai DAB bagi Bulan Kempen tolak Garis Dasar. Contoh bagaimana mengira DAB Tambahan ditunjukkan dalam Jadual A di bawah.
8. Garis Dasar ditakrif sebagai hasil tambah baki penutup harian bagi bulan Oktober 2018 dibahagi dengan bilangan hari dalam Oktober 2018. Baki Purata Harian (“DAB”) ditakrif sebagai hasil tambah baki penutup harian Akaun Sertaan bulanan dalam Bulan Kempen dibahagi dengan bilangan hari bagi Bulan Kempen berkenaan.

Jadual A

- a) Pengiraan Garis Dasar bagi Pelanggan Layak

$$\text{Garis Dasar} = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian bagi bulan Oktober 2018}}{\text{Bilangan hari dalam Oktober 2018}}$$

$$\text{cth Bulan 0} = \frac{(\text{Okt 1}) \quad (\text{Okt 2}) \quad (\text{Okt 3}) \quad (\text{Okt 31})}{31 \text{ hari}} \\ \text{RM13,200} + \text{RM19,700} + \text{RM15,400} \dots + \text{RM9,300}$$

$$= \frac{\text{RM153,500}}{31 \text{ hari}} \quad (\text{Hasil tambah baki penutup harian bagi bulan berkenaan})$$

$$\text{Garis Dasar} = \text{RM5,116.67} \quad \text{Garis Dasar bagi Oktober}$$

Pelanggan Individu baharu akan mempunyai Garis Dasar RM0.00

- a) Pengiraan DAB bagi setiap Bulan Kempen

$$\text{DAB} = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian bagi Bulan Kempen sejak dibuka}}{\text{Bilangan hari Bulan Kempen sejak dibuka}}$$

$$\text{e.g. Bulan 1} = \frac{(\text{Nov 1}) \quad (\text{Nov 2}) \quad (\text{Nov 3}) \quad (\text{Nov 30})}{30 \text{ hari}} \\ \text{RM22,230} + \text{RM21,400} + \text{RM22,900} \dots + \text{RM22,200}$$

$$= \frac{\text{RM186,350}}{30 \text{ hari}} \quad (\text{Hasil tambah baki penutup harian bagi hari-hari selebihnya})$$

$$\text{DAB} = \text{RM6,211.67}$$

- b) Pengiraan DAB Tambahan bagi setiap Bulan Kempen

$$= \text{DAB} - \text{Garis Dasar} = \text{DAB Tambahan} \\ \text{RM6,211.67} - \text{RM5,116.67} = \text{RM1,095}$$

Pelanggan Layak berdasarkan senario di atas akan berhak menerima dua (2) penyertaan.

9. Pelanggan Layak akan dipilih secara rambang dan disaring selepas tamatnya Tempoh Kempen berdasarkan kumpulan Pelanggan Layak bagi setiap Bulan Kempen ("Pelanggan Saringan") dalam masa sembilan puluh (90) hari dari berakhirnya Tempoh Kempen ("Tempoh Saring"). Pelanggan Saringan yang memenuhi semua syarat yang disenaraikan dalam Fasal 10 dan 11 di bawah, berhak menerima hanya satu (1) Ganjaran sepanjang Tempoh Kempen.
10. Pelanggan Saringan akan dihubungi oleh Pengurus Promosi Iantikan Bank, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574V) ("Dynamic Search") atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberikan oleh Pelanggan Saringan seperti terdapat dalam sistem Bank SEKALI pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5.00 petang) untuk sesi Soal Jawab untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul dalam rangka masa yang terpantas.
11. Pelanggan Saringan yang dapat menjawab dua (2) soalan dengan betul dalam rangka masa yang terpantas bagi setiap Bulan Kempen akan diberitahu oleh Bank melalui telefon untuk mengambil Ganjaran. Pelanggan Saringan tidak akan diberitahu pada masa itu juga sama ada mereka Pemenang sebaik selesai sesi Soal Jawab.
12. Jika berlaku seri, iaitu apabila terdapat lebih daripada satu (1) Pelanggan Saringan yang berjaya menjawab paling banyak soalan dengan betul dalam rangka masa terpantas yang sama, Pelanggan Saringan yang mempunyai DAB Tambahan tertinggi sepanjang Bulan Kempen akan diisytiharkan sebagai pemenang ("Pemenang").
13. Pemenang bertanggungjawab mengambil Ganjaran daripada cawangan asal bank berkenaan dalam masa dua (2) bulan selepas berakhirnya Tempoh Saring, jika gagal berbuat demikian, Ganjaran akan dilupuskan dan Bank tidak akan melayani apa-apa tuntutan daripada Pemenang setelah tamatnya tarikh akhir tersebut.
14. Jika Pelanggan Saringan gagal menjawab telefon selepas lima (5) deringan atas apa jua sebab sekalipun, atau sekiranya nombor telefon yang diberikan oleh Pelanggan Saringan tidak tepat sama ada ketidaktepatan itu berpunca daripada kesilapan Bank atau Pelanggan Saringan, maka Pelanggan Saringan dianggap telah terlepas peluang menang dan Bank atau Dynamic Search mempunyai hak mutlak untuk memilih seorang lagi Pelanggan Saringan, jika perlu. Oleh itu Pelanggan Saringan berkewajipan memberikan nombor telefon terkini, sah dan tepat kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pelanggan Saringan untuk sesi Soal Jawab, atas apa jua sebab sekalipun.
15. Bagi Pelanggan Layak yang mempunyai lebih daripada satu Akaun Sertaan, setiap satu Akaun Sertaan dianggap sebagai penyertaan bebas. Borang penyertaan kempen atau pendaftaran penyertaan tidak diperlukan untuk menyertai Kempen. Bank akan menjejaki Pelanggan Layak secara automatik pada akhir Tempoh Kempen.
16. Akaun Sertaan Pelanggan Layak mestilah pada setiap masa kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) bagi tujuan pemenuhan Kaedah Kempen. Sekiranya Akaun Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa sebelum pemenuhan, Pelanggan Layak itu akan terlucut kelayakan daripada menyertai Kempen.
17. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab dan segala liabiliti terbit daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau pertukaran kepada butiran Ganjaran atau apa-apa keadaan luar jangka yang lain di luar kawalan munasabah Bank dan disebabkan sebarang perbuatan atau keingkaran pembekal atau vendor pihak ketiga.

UMUM

18. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan bersetuju:
 - i) telah membaca, memahami dan akan mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan Terma & Syarat Akaun Sertaan;
 - ii) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan dan surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani;
 - iii) mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my dan / atau laman web HLISB di www.hlisb.com.my ("laman web Bank") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - iv) Ganjaran yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
 - v) membenarkan Bank untuk mendedahkan butir-butir peribadi mereka (iaitu nama, Nombor Kad Pengenalan, alamat emel dan/atau butir-butir hubungan jika berkenaan) kepada syarikat penyedia perkhidmatan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada Dynamic Search bagi tujuan mengendalikan dan memenuhi kaedah Kempen ini; dan
 - vi) dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

19. Bank berhak:

- (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan ganjaran dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlak, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
- (ii) untuk mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan mana-mana atau kesemua Ganjaran dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
- (iii) menentukan menurut budi bicara mutlak, siapakah Pelanggan Saringan sekiranya berlaku seri;
- (iv) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun, menurut budi bicara mutlak Bank, yang dianggap layak menyertai Kempen dan/atau berhak menerima Ganjaran; dan
- (v) melupuskan Ganjaran sekiranya Pelanggan gagal mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan/atau Terma dan Syarat Am Akaun berkenaan Hong Leong CASA, Akaun Semasa dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), dan semua undang-undang / peraturan lain yang berkenaan.

20. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

21. Ganjaran akan disediakan atas dasar "Sebagaimana Ada". Ganjaran yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Ganjaran dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah menjadi sebahagian daripada Ganjaran.

22. Bank tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Ganjaran dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Ganjaran yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat di bawah waranti atau sebaliknya). Pemenang hendaklah mengurus secara langsung dengan syarikat peniaga dan/atau pembuat berkenaan bagi segala maklumat waranti dan tuntutan tanpa bantuan HLB/HLISB

23. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma & Syarat dalam Laman Web Bank akan diutamakan.

24. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

25. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk Deposit/Deposit-i adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")